KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | UTUSAN | | | |
| TARIKH | : | 15/12/2021 (RABU) | MUKA SURAT | : | 36 |
| JABATAN | : | - | | | |

# HLB perkenal pembiayaan tenaga solar

**PETALING JAYA:** Hong Leong Bank dan Hong Leong Islamic Bank (HLB) memperkenalkan kemudahan pembiayaan baharu tenaga hijau, HLB Pinjaman/Pembiayaan-i Solar Plus yang merupakan penyelesaian pembiayaan mudah untuk pemilik rumah memasang sistem tenaga solar mesra alam.

Kemudahan itu juga akan membolehkan pemilik rumah menjimatkan bil elektrik bulanan mereka.

Menurut HLB, pinjaman atau pembiayaan-i Solar Plus itu terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada HLB Home yang ingin memasang panel solar di kediaman mereka sama ada yang dalam pembinaan atau telah siap.

"Bank menawarkan margin pembiayaan sehingga 105 peratus ke atas nilai hartanah, dengan pilihan pembiayaan fleksibel bermula daripada RM15,000 sehingga RM60,000 untuk tempoh tiga hingga 10 tahun, atau sehingga umur 70 tahun peminjam utama apabila tempoh matang pinjaman, yang mana lebih awal," katanya dalam kenyataan.




**PENGURUSAN tertinggi Hong Leong Bank, Hong Leong Islamic Bank, Solaroo System dan ERS Energy bergambar selepas pelancaran kemudahan Pembiayaan-i Solar Plus HLB.**

Jelasnya, sebagai permulaan, HLB telah bekerjasama dengan tenaga solar pakar sistem tenaga ERS Energy dan Solaroo Systems untuk menyediakan perkhidmatan pemasangan yang komprehensif, pentaulihan, operasi dan penyelenggaraan sehenti kepada pelanggan.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif HLB, Domenic Fuda berkata, pelancaran itu merupakan satu lagi inisiatif daripada bank untuk menyokong sasaran negara meningkatkan kapasiti terpasang untuk tenaga boleh diperbaharui kepada 31 peratus menjelang 2025 dan 40 peratus pada 2035.

"Kami percaya bahawa institusi kewangan akan menjadi komponen penting dalam membantu mengemudi peralihan ke arah sumber tenaga yang mampan," katanya.